



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

NOMBOR TENDER	TAJUK	KOD BIDANG	LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN
UTeM/BEN/03/2010	TENDER BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH BANGUNAN STOR AM SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI KAMPUS INDUK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	PKK KELAS F DAN KEPALA VI SUB-KEPALA 3a ATAU 6a DAN LPIPM GRED G3	Tarikh : 30 JULAI 2010 Masa : 10.00 PAGI Tempat : PEJABAT PEMBANGUNAN, KAMPUS INDUK, DURIAN TUNGGAL, UTeM (KEDATANGAN DAN LAWATAN ADALAH DIWAJIBKAN)	RM150.00

1. Naskah Meja Tender akan dipamerkan mulai 23 Julai 2010 sehingga tarikh tutup tender iaitu jam 12.00 tengahari, 13 Ogos 2010 pada waktu pejabat di alamat seperti berikut:

HARI	WAKTU	TEMPAT
Isnin - Khamis	9.00 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan Pejabat Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Jumaat	9.00 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang	Kampus Induk 76109 Durian Tunggal, Melaka

2. Dokumen bagi tender UTeM/BEN/03/2010 akan dijual mulai 30 Julai 2010 hingga 12 Ogos 2010 mengikut waktu tersebut di atas. Kehadiran bagi lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN.
3. Petender dikehendaki membawa Sijil Pusat Khidmat Kontraktor dan Sijil Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang ASAL dan sesalinan sijil tersebut (Salinan sijil tersebut tidak akan dikembalikan).
4. Dokumen tersebut boleh didapati dengan mengemukakan bayaran secara Tunai/Kiriman Wang/Wang Pos atau Bank Deraf atas nama Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
5. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis dengan Tajuk dan No. Tender di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimasukkan ke dalam Peti Tender, Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di alamat tersebut di atas sebelum tarikh tutup.

UNIT PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06-331 6091 / 6093 FAKS : 06-331 6101